

ATURCARA UMRAH 10 HARI 8 MALAM

Hari 1 : Kuala Lumpur - Jeddah - Madinah

Para jemaah dinasihatkan supaya berada di KLIA sekurang-kurangnya 4 jam sebelum berlepas. Pesawat akan berlepas dari Kuala Lumpur ke Jeddah. Setibanya di Jeddah, jemaah bertolak ke Madinah dengan menaiki bas dan seterusnya dibawa ke hotel untuk daftar masuk dan berehat.

Hari 2 : Madinah (Ziarah Dalam Madinah)

Para jemaah boleh menziarahi Tha'qifah Bani Sa'idah, Pasar Lama Madinah, Kawasan Musollayat (Masjid Qhomamah, Masjid Saidina Abu Bakr dan Saidina Ali), Sejarah Pembinaan Masjid Nabawi, Ziarah Perkuburan Baqi' Al-Gharqah, Telaga Ha' dan Budho'ah. Para muslimat akan dibawa menziarahi Raudhah.

Hari 3 : Madinah (Ziarah Luar Madinah)

Pada hari ini, para jemaah akan dibawa menziarahi tempat-tempat bersejarah di Kota Madinah seperti Masjid Quba iaitu sebuah masjid yang didirikan diatas dasar taqwa, Nabi pernah bersabda " barang siapa yang berwudhuk di kediaman kemudian ia berkunjung ke masjid Quba lalu ia bersolat maka dapatlah ia pahala sepertimana ia menunaikan Umrah, Bukit Uhud iaitu tempat berlakunya peperangan Uhud yang sungguh dahsyat sehingga mengorbankan 70 para sahabat termasuk bapa saudara nabi saidina Hamzah, Masjid Qiblatain, Masjid Khandak dan akhirnya ke Ladang Tamar.

Hari 4 : Madinah - Makkah

Selapas sarapan pagi jemaah dinasihatkan menziarahi Maqam Rasulullah S.A.W untuk Ziarah Wida'. Kembali ke hotel untuk bersiap sedia bertolak ke Makkah. Jemaah hendaklah memakai pakaian Ihram dan diwajibkan berniat Umrah di Bir Ali. Tiba di Makkah, jemaah akan dibawa oleh mutawif kami untuk menyelesaikan kerja-kerja Umrah.

Hari 5 : Makkah (Ziarah Manasik & Jaaranah)

Pada hari ini, Jemaah akan dibawa menziarahi tempat-tempat bersejarah di Makkah seperti Gua Thur, gua yang menjadi tempat persembunyian Nabi Muhammad S.A.W bersama sahabatnya Saidina Abu Bakar sebelum berhijrah ke Madinah, Padang Arafah tempat wukuf bagi jemaah haji. Jabal Rahmah tempat pertemuan Nabi Allah Adam dan Siti Hawa, Muzdalifah tempat jemaah haji mengutip anak batu, Mina tempat bermalam bagi jemaah haji, Jabal Nur sebuah bukit yang diatasnya terdapat Gua Hira, tempat turunnya wahyu pertama didunia iaitu surah Al Alaq dan akhirnya terus ke Ja'aranah untuk berniat Umrah.

Hari 6 : Makkah (Aktiviti bebas)

Aturcara bebas, jemaah bebas untuk menunaikan ibadah Umrah dan melakukan pelbagai ibadah sunat di dalam Masjidil Haram.

Hari 7 : Makkah (Ziarah Hudaibiyah)

Pada hari ini jemaah akan dibawa ke tempat Miqat Umrah di Hudaibiyah untuk berniat Ihram Umrah bagi yang ingin mengerjakan Umrah.

Hari 8 : Makkah (Aktiviti bebas)

Aturcara bebas, jemaah bebas untuk menunaikan ibadah Umrah dan melakukan pelbagai ibadah sunat di dalam Masjidil Haram.

Hari 9 : Makkah - Jeddah - Kuala Lumpur

Hari ini merupakan hari terakhir jemaah berada di Makkah. Jemaah diwajibkan mengerjakan Tawaf Wida' sebelum meninggalkan Makkah. Seterusnya bertolak ke Jeddah Airport untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

Hari 10 : Kuala Lumpur

Insyallah jemaah selamat tiba di lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Selesailah ibadat Umrah tuan/puan Bersama KPH TRAVEL SDN BHD. Semoga para jemaah sekalian mendapat umrah yang mabrur. AMIN.

*Tertakluk kepada perubahan semasa

TERMA & SYARAT

MODE PEMBAYARAN:

- Bayaran tempahan untuk pakej RM600 / orang.
- Pembayaran kedua - 50% daripada jumlah pakej mesti diselesaikan 14 hari selepas tempahan.
- Pembayaran baki mestilah diselesaikan 01 bulan sebelum berlepas.

BUTIRAN AKAUN:

- Nama Akaun: KPH Travel Sdn Bhd
- Nama Bank : Maybank Berhad
- No. Akaun : 5628 3461 1668

NOTIS:

- Harga di atas memerlukan sekurang-kurangnya 2 orang setiap tempahan dan HANYA khas untuk rakyat Malaysia.
- Semua harga mungkin tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu.
- Jadual perjalanan tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu bergantung kepada keadaan cuaca
- Surcaj akan dikenakan pada musim cuti sekolah dan sebagainya.
- Dengan membuat tempahan dengan KPH Travel Sdn Bhd, anda telah menerima semua terma dan syarat sepenuhnya.

POLISI PEMBATALAN (FEE):

- | | |
|--|---|
| • 46 hari atau lebih | Deposit |
| • 35- 45 hari | 25% dari tambang atau Deposit, yang mana lebih tinggi |
| • 26-34 hari | 50% dari tambang atau Deposit, yang mana lebih tinggi |
| • 20-25 hari | 75% dari tambang atau Deposit, yang mana lebih tinggi |
| • Kurang dari 20 hari sebelum berlepas | 100% tambang pelancongan |



KPH TRAVEL SDN BHD (Co.No. 923286-M / KPL No. 6415)

D-3A-1, Bangi Gateway Shopping Complex, Persiaran Pekeliling, Seksyen 15,
43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 8928 0457 Fax: +603 8928 0467 Helpdesk: +6012-6509783

Website: www.kliatravel.com Email: travel@kliacs.com.my